

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL KUAH, LANGKAWI, KEDAH
PENAUNG YAYASAN AKADEMI BADMINTON MALAYSIA PERSATUAN
BADMINTON MALAYSIA (BAM) SEMPENA PELANCARAN PROGRAM
SEKOLAH ANAK ANGKAT BADMINTON
16 JANUARI 1994

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Selaku Penaung Yayasan Akademi Badminton Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran Program Anak Angkat Badminton sekolah-sekolah yang diadakan pada pagi ini. Pelancaran program ini akan membuka era baru bagi perkembangan badminton negara lebih-lebih lagi dalam persiapan menghadapi kejohanan-kejohanan antarabangsa yang diadakan di sepanjang tahun.

2. Saya berpendapat telah tiba masanya sekarang bagi kita untuk merancang dan menyusun suatu strategi yang benar-benar mantap untuk meningkatkan mutu badminton negara. Kita harus mampu melahirkan seramai mungkin barisan pemain-pemain negara yang berkaliber dan mampu bersaing di mana-mana kejohanan antarabangsa pada setiap masa. Kita tidak seharusnya ketandusan pemain dan terlalu bergantung kepada pemain-pemain yang sedia ada.

3. Saya percaya untuk melahirkan barisan pemain-pemain yang berkaliber ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan tentunya ianya memerlukan pengorbanan daripada segi tenaga, wang dan masa serta komitmen yang sebenar. Kepada saya, sekolah adalah merupakan tempat yang sesuai untuk mengasah serta menghasilkan barisan pemain-pemain yang berbakat dan terkemuka. Sejarah kemunculan pemain-pemain badminton handalan negara seperti Ng Boon Bee, Tan Yee Khan, Tan Aik Huang, Yew Chang Hoe, Dato Punch Gunalan serta generasi Sidek dan lain-lain adalah bermula dari sekolah.

4. Menyedari betapa pentingnya peranan sekolah dalam arena perkembangan badminton negara, saya dengan ini menyeru kepada semua pihak, khususnya sektor swasta dan badan-badan korporat untuk turut menggemblengkan usaha dan kewangan bagi menjayakan program mengambil sekolah-sekolah di seluruh negara sebagai anak angkat bagi memajukan lagi sukan badminton.

5. Dengan menjadi 'bapa angkat' dapatlah mereka yang berkenaan:-

- a. memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk bermain badminton di sekolah-sekolah angkat mereka seperti membaiki lantai gelanggang dan lampu;

- b. membekalkan raket dan bulu tangkis sepanjang tahun selama tiga hingga lima tahun bergantung pada bilangan gelanggang di sekolah;
 - c. menampung perbelanjaan latihan bagi sekurang-kurangnya dua guru sebagai jurulatih selama dua minggu di Akademi Badminton, Kuala Lumpur;
 - d. membiayai perbelanjaan jurulatih-jurulatih BAM yang utama membuat lawatan di sekolah dua kali setahun untuk persediaan, pelaksanaan dan penyeliaan program latihan badminton itu, dan
 - e. membiayai perbelanjaan pasukan badminton sekolah membuat lawatan ke negeri-negeri lain setahun sekali untuk perlawanan persahabatan bagi mendedahkan pemain-pemain muda ini kepada pertandingan badminton.
6. Saya amat berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada pihak Berjaya Group Berhad yang telah bersetuju untuk menjadi penaja yang pertama projek anak angkat sekolah-sekolah dengan menjadikan Sekolah Vokasional Kuah, Langkawi ini sebagai anak angkat pertama. Mudah-mudahan sumbangan dan penglibatan yang akan diberikan ini dapat menjayakan usaha kita melahirkan pemain-pemain muda yang berbakat di Pulau Langkawi.
7. Kesediaan Berjaya Group menjadi 'bapa angkat' ini hendaklah menjadi contoh ikutan kepada badan-badan korporat yang lain untuk menaja sekolah-sekolah lain pula yang terdapat di seluruh negara.
8. Kepada pihak sekolah dan murid-murid khasnya, ambillah peluang keemasan ini dengan sepenuhnya untuk bermain badminton di gelanggang yang cantik dan lengkap ini bagi memperbaiki lagi mutu permainan kita supaya mencapai taraf yang cemerlang. Jaga dan gunakanlah alat-alat yang disumbangkan ini dengan baik supaya 'bapa angkat' sekolah murid-murid sekalian berasa gembira dan senang hati mendapati sumbangan mereka dimanfaatkan dengan baik.
9. Akhir kata, saya dengan sukacitanya melancarkan Projek Anak Angkat Sekolah-Sekolah Negara bagi Program Badminton.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.